

PNB jangan ulangi kesilapan institusi pelaburan lain: PM

[FOTO AMRAN HAMID/BH]

> Campur tangan kerajaan tak mampu pulih imej

Oleh M Hfzuddin Ikhsan, Mustakim Ramli dan Nor Farhanl Che Ad
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani

Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pengurusan Permodalan Nasional Berhad (PNB) supaya tidak terbabit dalam salah guna kuasa tadbir urus sehingga berlaku kemerosotan integriti, rasuah, penyelewengan dan ketirisan seperti terjadi di institusi lain.

Perdana Menteri juga menasihatkan syarikat pengurusan pelaburan terbesar negara itu agar tidak mengulangi kesilapan dilakukan institusi pelaburan lain di negara ini bagi mengelakkan pelabur hilang keyakinan.

Dalam perutusan khas disiarkan menerusi rakaman video pada majlis perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2019 di sini semalam, beliau berkata, tanggungjawab PNB sangat berat kerana mendukung aspirasi pelabur yang berharap pelaburan mereka dapat meningkatkan kualiti hidup.

“Jangan terleka dan ambil

mudah amanah dan tanggungjawab ini, jangan salah guna kuasa, (usah biar) kemerosotan tadbir urus, kemerosotan integriti, penyelewengan, rasuah dan ketirisan yang berlaku seperti mana di institusi lain berlaku kepada PNB.

“Akhirnya (jika berlaku), kerajaan terpaksa campur tangan, tapi (campur tangan) bukanlah satu penyelesaian kerana imej yang tercalar tidak mudah untuk diperbaiki dan keyakinan rakyat khususnya pelabur tidak mudah dikembalikan,” katanya.

Maruah bangsa tercalar

PNB yang ditubuhkan pada 1978 untuk membantu membangunkan ekonomi rakyat Malaysia, mempunyai 13.8 juta pemegang akaun dengan nilai aset sebanyak RM236.6 bilion. Jika dicampur dana syarikat sebanyak RM61.9 bilion, ia bertanggungjawab ke atas sejumlah RM298.5 bilion nilai aset.

Dr Mahathir berkata, jika ada penyelewengan dalam PNB, maruah bangsa juga akan tercalar selama-lamanya kerana peranan syarikat itu bukan hanya terhad untuk kepentingan ekonomi semata-mata, tetapi turut meliputi kepentingan sosial.

“PNB banyak menjalankan aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang memberi impak tinggi kepada masyarakat yang berteraskan pendidikan sehingga kepada penajaan melalui pemberian biasiswa, kebajikan dan lain-lain sumbangan yang memberi manfaat signifikan kepada pelbagai lapisan masyarakat,” katanya.



Dr Mahathir menyampaikan perutusan khas yang disiarkan menerusi rakaman video pada majlis perasmian MSAM 2019 di Sungai Petani, semalam.

Pencapaian PNB

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, pencapaian PNB selama lebih 40 tahun ditubuhkan adalah hasil profesionalisme dan kecekapan tokoh pengurusan terdahulu institusi itu yang kini diteruskan kepemimpinan sedia ada.

“Pencapaian ini adalah manifestasi keyakinan rakyat yang setia memberi kepercayaan dan tidak mungkin dicapai jika PNB tidak menjalankan tanggungjawab dengan penuh integriti dan amanah,” katanya.

MSAM adalah pameran tahunan dianjurkan Kumpulan PNB,

antara lain bagi meningkatkan kesedaran rakyat mengenai aspek pelaburan kewangan dan menarik lebih 3.8 juta pengunjung sejak diadakan pada 2000. Bagi edisi di Amanjaya Mall, ia berlangsung sejak Khamis lalu hingga 25 April ini.

Yang turut hadir pada majlis perasmian semalam, Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Azmin Ali; Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad.